

AL-HIKMAH

Jilid 11 ISSN 1985-6822 2019
No. 2 1441

- PROGRAM DAKWAH DALAM MEMANTAPKAN AKIDAH REMAJA OLEH INSTITUT PEMANTAPAN DAN PERKADERAN AKIDAH MALAYSIA (IPHAM)....3-19
Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar
- KEPENTINGAN ASPEK PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT ORANG ASLI.....20-36
Ismail Naim Abdullah, Abdul Ghafar Don
- SENARIO PENDIDIKAN ISLAM DAN HALA TUJUNYA DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA.....37-53
Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Hasanah Abd. Khafidz, Muhamad Faisal Ashaari
- PERSEDIAAN KUALITI DIRI SISWA GURU PENDIDIKAN ISLAM MELALUI KONSEP 5 MIM DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF DI SEKOLAH.....54-67
Norliza Nor Hashim, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Ahmad Irdha Mokhtar.
- PENDEKATAN DAKWAH JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS) TERHADAP BANDUAN DI PENJARA SANDAKAN....68-87
Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie
- TAHAP KEPUASAN MUALLAF TERHADAP PENGURUSAN KELAS BIMBINGAN AGAMA ISLAM KELANTAN (MAIK).....88-98
Yasmoon Mohamed, Razaleigh Muhamat @ Kawangit

Kepentingan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli

The Importance of Knowledge and Skills in the Preaching Toward Indigenous People

ABSTRAK

Pendakwah merupakan golongan yang berperanan penting dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat. Mereka antara insan yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah dalam memakmurkan agama di muka bumi ini. Aspek persiapan dianggap elemen penting dalam menentukan keberkesanan proses penyampaian dakwah. Pengetahuan dan kemahiran adalah dua elemen berkaitan. Artikel ini bertujuan menganalisis kepentingan aspek pengetahuan dan kemahiran dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Kaedah yang digunakan dalam membincangkan isu berkaitan pengetahuan dan kemahiran adalah berdasarkan analisis dokumen seperti jurnal, buku dan lain-lain dokumen berkaitan kajian. Analisis aspek pengetahuan adalah berdasarkan teori *Thaqafah al-Da'iyyah* oleh al-Qaradawi. Manakala aspek kemahiran adalah berdasarkan prinsip metodologi dakwah dalam surah al-Nahl, ayat 125. Analisis ini memperlihatkan adalah penting pendakwah menguasai aspek pengetahuan berkaitan ilmu Islam, sejarah dan kearifan tempatan, kepercayaan, adat dan budaya, pengetahuan semasa serta realiti masyarakat setempat. Manakala aspek kemahiran yang perlu dikuasai pendakwah pula ialah komunikasi, kemahiran pertukangan, pertanian, perubatan, sukan dan lain-lain yang berkaitan lingkungan kehidupan masyarakat Orang Asli.

Kata Kunci. Pengetahuan, Kemahiran, Dakwah, Masyarakat Orang Asli.

ABSTRACT

Preaching is an important part of Islam in the community. This is because they are among the people who have been entrusted by God in the promotion of religion on this earth. This aspect of preparation is an important element in determining the effectiveness of the preaching process. Knowledge and skills are two related elements. This article aims to analyse the importance of the concept of knowledge and preaching skills towards indigenous peoples. The methods used to discuss issues related to knowledge and skills are based on document analysis such journals, books and documents related to the subject of the study. Knowledge analysis is based on *Thaqafah al-Da'iyyah* by al-Qaradawi. While the skills aspect is based on the principles of the Dawah methodology in surah al-Nahl, verse 125.

This analysis demonstrates the importance of the preacher to master aspects of knowledge related to Islamic sciences, local history and wisdom, beliefs, customs and culture, current knowledge and local reality. Whereas the skills that the preachers need to master are communication, carpentry, agriculture, medicine, sports and others related to the indigenous people's living environment.

Keyword: Knowledge, Skills, Preaching, Indigenous Peoples.

PENGENALAN

Pembangunan Islam amat berkait rapat dengan pergerakan dakwah. Usaha dakwah yang dimulakan sejak perutusan Nabi Adam hingga ke Nabi Muhammad s.a.w membawa mesej yang sama, iaitu menyeru dan mengajak manusia kepada mentauhidkan Allah serta melaksanakan syariat Islam. Tugas dakwah adalah tugas semua rasul sebagaimana dalil al-Quran (al-Nahl, 16:36):

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَّسُولًا أَرْبَابٍ عَبَدُوا اللَّهَ وَاجْتَنَبُوا الظَّاغُونَ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Thagut.”

Menurut Imam al-Qurtubi (2008), maksud *thagut* ialah berhala dan segala perbuatan yang boleh melanggar hukum Allah. Perkara ini jelas membuktikan tugas pendakwah dan Rasul adalah sama dari segi menegah umat Islam menyembah selain Allah. Pendakwah hendaklah menggunakan pendekatan yang terbaik dalam usaha berdakwah. Pendekatan terbaik ini telah digariskan oleh al-Quran melalui firman Allah (al-Quran, al-Nahl 16:125):

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu)

dengan cara yang lebih baik. sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”

Tafsir Jalalyn (2004) menjelaskan beberapa perkara berkaitan ayat ini. Pertama Rasulullah digesa berdakwah kepada manusia sebagai sasaran dakwah. Kedua berdakwah kepada jalan tuhanmu (*ila sabili robbik*) dengan maksud seruan atau berdakwah kepada agamaNya. Ketiga, metode yang digunakan dalam berdakwah pula ialah secara (i) *al-hikmah* berpandukan al- Quran (ii) *al-maw'izah al- hasanah*, iaitu dengan nasihat-nasihat yang lunak (iii) *al-mujadalah bi al-lati hiya ahsan* (berdebat/dialog/wacana/diskusi) dengan cara terbaik.

REALITI DAKWAH MASYARAKAT ORANG ASLI

Berdasarkan data JAKOA pada tahun 2014 seramai 178,197 masyarakat Orang Asli tinggal di semenanjung Malaysia. (Sistem Maklumat e-Damak JAKOA 2014). Majoritinya ialah dari negeri Pahang iaitu 67,506 orang dan diikuti Perak 53,299. Negeri paling sedikit jumlah Orang Asli ialah Kedah iaitu 270 orang. Manakala mengikut suku kaum, penduduk paling ramai ialah Senoi (97,856), diikuti Melayu-Proto (75,332). Paling sedikit ialah Negrito (5009). Statistik ini membuktikan beberapa bahagian penempatan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Dakwah masyarakat Orang Asli mempunyai sejarah tersendiri. Ia berlaku dalam dua fasa berbeza iaitu sebelum dan selepas merdeka di Malaysia. Menurut Abdul Ghafar Don (1999) dakwah dalam kalangan Orang Asli di semenanjung Malaysia telah bermula sejak sebelum perang dunia kedua lagi. Di Perak umpamanya, pada tahun 1933, Lebai Salim bin Mohd. Dawi, berjawatan Naib Kadi dikatakan telah menjalankan usaha-usaha dakwah dan berjaya mengislamkan kira-kira 100 Orang Asli di Kampung Degong, Teluk Intan (Halimin 1993). Sementara itu, kajian Padzal (1997) mendapati Ketua Kampung Basung, Terengganu. Tun Pandak Bin Tun Omar telah berjaya mengislamkan Abdullah b. Abdul Rahman seorang Asli dari keturunan Bateq sekitar tahun 1940-an. Perlaksanaan dakwah dalam kalangan Orang Asli sebelum merdeka bagaimanapun adalah dalam bentuk individu dan tidak formal.

Kemudian selepas merdeka, perlaksanaan dakwah terhadap Orang Asli dilaksanakan secara organisasi dan melalui badan formal. Beberapa jabatan agama dan agensi-agensi dakwah bukan kerajaan mula mengalihkan perhatian mereka kepada dakwah Orang Asli. Jabatan Agama Islam Perak adalah antara negeri terawal mengorak langkah ke arah ini.

Pada tahun 1964, Jabatan Agama Islam Perak telah memberi perhatian kepada mengkaji metodologi dakwah kepada Orang Asli dan melantik beberapa orang pegawai mubaligh dalam menjalankan usaha-usaha dakwah kepada golongan tersebut. (Halimin 1993). Pada tahun-tahun 70-an Jabatan Agama Islam Pahang turut memberi perhatian terhadap dakwah Orang Asli. (Laporan JAIP 1988).

Menurut Syed Abdurahman (2009) masalah utama yang dihadapi bagi proses pendakwahan kepada masyarakat Orang Asli semenjak dahulu adalah kekurangan pendakwah. Di samping mempunyai pendakwah yang sedia ada, pendakwah masih tidak mampu untuk tinggal di perkampungan Orang Asli khususnya dalam kalangan mereka yang belum lagi memeluk Islam. Selain masalah sumber manusia, Syed Abdurahman (2009) menambah, pendakwah itu sendiri tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran sehingga mereka menjadikan aktiviti dakwah ini hanya sebagai rutin harian iaitu pendakwah hanya mengulangi sesuatu perkara tertentu sahaja. Mereka juga menggunakan pendekatan yang sama kepada sasaran yang berbeza dan secara sambil lewa melakukan aktiviti dakwah tanpa mengambil kira persekitaran dan sasaran dakwah yang mereka hadapi. Hasilnya, terdapat kes yang melibatkan pendakwah dari badan dakwah tertentu memegang seorang kanak-kanak Orang Asli di Kampung Panderas, Pahang, kemudian secara paksa menyuruh kanak-kanak tersebut mengucap dua kalimah syahadah (Syed Abdurahman 2009).

Pendakwah yang berjaya diukur daripada segi keilmuan dan kemahiran dalam aktiviti pendakwahan. Gabungan di antara dua perkara tersebut boleh menaikkan martabat pendakwah ke tahap yang lebih baik supaya menjadi pendakwah yang profesional. Siti Rugayah (2011) membangkitkan masalah pendakwah yang tidak dapat mengimbangi antara ilmu agama Islam yang dimiliki dengan ilmu sokongan lain seperti ilmu komunikasi, kaunseling, bahasa dan sosiologi. Masalah ini akan merencatkan proses penyampaian dakwah kepada sasaran.

ASPEK PENGETAHUAN DALAM DAKWAH ORANG ASLI

Thaqafah al-Da'iyah adalah konsep yang dikemukakan oleh Yusuf al-Qaradawi yang menekankan kepentingan aspek ilmu pengetahuan yang perlu dikuasai pendakwah. Ia meliputi aspek-aspek berikut:

1. Pengetahuan berteraskan Islam (*Thaqāfāt al-Islamīyah*)
2. Pengetahuan berteraskan Sejarah (*Thaqāfāt al-Tārikhiyyah*)
3. Pengetahuan berteraskan Sastera dan Bahasa (*Thaqāfāt al-Adab wa al-Lughawiyah*)
4. Pengetahuan berteraskan Kemanusiaan (*Thaqāfāt al-Insāniyah*)

5. Pengetahuan berteraskan Ilmiah (*Thaqāfat al-‘Ilmiyyah*)
6. Pengetahuan berteraskan Realiti (*Thaqāfat al-Wāqī‘iyah*)

Islam memberi penekanan kepada kepentingan ilmu pengetahuan. Asas kepentingan ini telah dinyatakan dalam al-Quran (al-Mujadalah 58: 11):

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: *Allah meninggikan darjah orang-orang di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjah.*

Begitu juga firman Allah (al-Quran, al-Zumar 39: 9):

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: “Katakanlah apakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sebenarnya hanya orang yang berakal sehat yang dapat menerima pelajaran.”

Pendakwah yang cemerlang dan praktikal mesti mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi untuk menyampaikan isi kandungan dakwah. (al-Qaradawi, 1986). Dakwah Orang Asli memerlukan pendakwah menguasai ilmu berteraskan Islam antaranya al-Quran, ilmu Akidah, ilmu al-Quran dan ilmu Fikah. Ilmu-ilmu tersebut adalah asas yang sangat penting untuk dimiliki oleh pendakwah, perkara ini turut disentuh oleh al-Qaradawi (1986) dalam pengetahuan berteraskan Islam (*Thaqafat al-Islamiah*). Matlamat masyarakat Orang Asli memeluk agama Islam ialah untuk menjadi orang yang betul-betul Islam dan tidak lagi berpaling dengan agama Islam. Mereka juga ingin menjadi orang yang ada agama kerana memikirkan masa depan mereka yang tidak menentu arah sebelum ini dan meninggalkan perbuatan-perbuatan yang tidak baik dengan mempunyai peraturan hidup (Ahmad Redzuan 2008).

Pengetahuan asas berteraskan Islam bagi pendakwah mesti pengetahuan tentang al-Quran, kepentingan pengetahuan ini bagi pendakwah kerana, bukan sahaja menggunakan al-Quran sebagai dalil untuk berhujah, malah lebih perlu lagi pendakwah wajib mengetahui bacaan al-Quran yang betul dan sahih. Ini penting bagi mengajar Orang Asli mengenal al-Quran, menyebut perkataan dan ayat al-Quran dengan tepat. Kepentingan ilmu al-Quran antara lain adalah untuk digunakan semasa menjadi imam solat kepada masyarakat Orang Asli. Dengan bacaan

yang tepat dan betul, ia akan menjadi proses pembelajaran yang tepat bagi makmum yang mengikuti cara bacaan imam semasa solat sekaligus memperbetulkan bacaan al-Fatihah semasa solat. Hal ini kerana surah al-Fatihah wajib dibaca semasa solat. Kepentingan pendakwah memiliki ilmu *Tahsin al-Quran* ini menurut Razaleigh et. al (2014), adalah untuk melahirkan komuniti masyarakat Orang Asli muslim yang boleh menghayati pengertian di sebalik makna ayat yang dipelajari dan boleh membaca al-Quran mengikut hukum tajwid dengan betul dan tartil. Pendakwah yang memiliki pengetahuan ilmu tahsin al-Quran yang baik, mereka akan dapat mengenalpasti kekurangan masyarakat yang dibimbing oleh mereka. Kemudian, barulah memilih kaedah mana yang sesuai untuk dijalankan. Manakala Zainab et al. (2015), yang menyatakan mengenai ilmu al-Quran yang diajar bukan sahaja berlegar tentang kemahiran mengenal, mengeja dan membaca al-Quran, malah perlu diajar pengertian di sebalik makna ayat yang dipelajari.

Menurut al-Qaradawi (1986), pendakwah tidak dapat lari untuk memiliki ilmu fikah pada kadar tertentu sehingga mengetahui kepentingan hukum-hukum syariah dalam ibadat, muamalat dan adab. Jika pendakwah tidak mengetahui ilmu ini, pada kadar yang diperlukan ia akan menyukarkan pendakwah itu untuk menentukan sesuatu hukum. Kepentingan ilmu fikah ialah untuk merungkai persoalan atau permasalahan yang berkaitan fikah, dan juga membetulkan kesilapan-kesilapan serta mendatangkan hujah-hujah dari sudut hukum syariat. Selain itu, ilmu fikah juga akan menyentuh isu yang berkaitan dengan kehidupan seperti solat, taharah dan isu-isu yang berkaitan agama. Dengan memiliki ilmu fikah pendakwah berupaya membimbangi Orang Asli, menghayati dan mengamalkan Islam dengan sempurna dalam kehidupan harian.

Antara hikmah dan kepentingan mempelajari dan memiliki ilmu fikah ini menurut kajian Arief Salleh & Salmiah (t.th.) sifat ilmu fikah yang berkembang seiring dengan perkembangan dan perubahan pemikiran masyarakat. Oleh itu, dengan mempelajari serta menguasai ilmu fikah ini diharap mampu merubah masyarakat semasa yang secara umumnya telah terpengaruh dengan taqlid supaya selari juga dengan perkembangan pesat dalam pendidikan Islam di Malaysia dan tidak terpengaruh sepenuhnya dengan budaya taqlid. Oleh itu, tujuan pendakwah memiliki pengetahuan fikah adalah untuk persiapan mereka bagi menjawab persoalan fikah yang ditimbulkan oleh masyarakat Orang Asli. Pengetahuan ini penting kerana mempunyai banyak faedah dan manfaat. Sebagai contoh apabila Orang Asli ingin melakukan solat ketika ketiadaan air, mereka akan menghadapi kesulitan untuk bersuci dan berwuduk. Maka dengan memberi pengetahuan kaedah dalam bertayammum, mereka dapat mempraktikkan amalan yang betul ketika dalam keadaan darurat.

Al-Qaradawi (1986) juga meletakkan aspek pengetahuan berteraskan sejarah (*Thaqafat al-Tarikhyyah*) adalah penting untuk persiapan bagi pendakwah. Beliau berpendapat bahawa sejarah adalah ingatan manusia, catatan peristiwa-peristiwanya, buku rujukan dan saksi yang adil bagi kebenaran dan kesalahannya. Antara kepentingan mengetahui ilmu berteraskan sejarah ialah, mengetahui serta memperluaskan lagi latar belakang sesebuah kehidupan, menunjukkan dan membuktikan keadaan sebenar bangsa-bangsa yang wujud, sejarah manusia itu sendiri, dan kejadian-kejadian yang mereka alami. Manusia boleh melihat sendiri dengan mata hati mereka, bagaimana sunnatullah itu terjadi dan berlaku dalam masyarakat tanpa memilih kasih dan kezaliman. Kepentingan ilmu Sejarah ini sangat berkaitan dengan kehidupan masyarakat Orang Asli dan dakwah terhadap mereka, sebagai contoh pendakwah perlu mengetahui kepimpinan masyarakat Orang Asli yang didakwah, adat dan kepercayaan mereka, bahasa, suku kaum, apa kecenderungan mereka, orang-orang yang berpengaruh, penghasut dan lain-lain. Dalam konteks pendakwah masyarakat Orang Asli, sejarah yang boleh dimaksudkan adalah seperti mengetahui sejarah penempatan, sejarah penduduk setempat dan sejarah kedatangan agama di dalam sesebuah masyarakat. Manusia yang tidak terhindar dari latar belakang yang dipengaruhi oleh sejarah kehidupan, memaksa pendakwah untuk meneliti secara tepat tentang kehidupan yang telah sedang mempengaruhi masyarakat. Atau lebih tepat sejarah agama, adat resam, etnik, suku kaum yang berada di lapangan.

Sebagai contoh sejarah penyebaran dakyah oleh Kristian seperti mana yang di bahaskan oleh Hassan Mat Nor (t.th), mengatakan bahawa mubaligh Kristian dari mazhab Methodist memulakan kegiatannya kepada masyarakat Orang Asli selepas tahun 1930. Peluang mereka bertapak dalam masyarakat Orang Asli bermula apabila Dr. Paul Means dan isterinya Nathalie Means diundang melawat masyarakat Orang Asli di Kuantan Pahang. Dalam lawatan ini beliau berkesempatan melawat Orang Asli di sekitar jalan Pahang dari Tapah ke Cameron Highlands. Hasil tinjauan tersebut, beliau berpendapat bahawa ajaran Kristian boleh disebarluaskan melalui ketua kumpulan masyarakat Orang Asli.

Dalam aspek pengetahuan berteraskan Sastera dan Bahasa (*Thaqafat al-Adab wa al-Lughawiyyah*) atau lebih khususnya kepada pengetahuan sastera, al-Qaradawi (1986), menjelaskan kepentingan pendakwah untuk memiliki pengetahuan sastera kerana dialog, cerita dan perkhabaran yang dimuatkan dalam buku-buku sastera mengandungi nilai moral dan pendidikan, lalu pendakwah memanfaatkan dengan menghayatinya lalu menggunakan dalam metode dakwah, semasa menyampaikan dakwah. Dalam perbahasan ilmu pengetahuan berteraskan

sastera dan bahasa, pengkaji menyarankan agar pendakwah lebih memperhalusi lagi sastera percakapan atau komunikasi dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Selain menyantuni mereka dengan bahasa yang baik, pendakwah juga telah memberi keselesaan kepada mereka kerana nilai moral yang diambil daripada pengetahuan sastera lalu digunakan oleh pendakwah itu sendiri. Selain itu, pendakwah perlu mengelak dari menggunakan perkataan seperti ‘sakai’ atau ‘jakun’ Penggunaan bahasa sebegini merupakan perkataan yang dilarang. (Muhammad Busu, 2016). Sebaik-baiknya pendakwah perlu memilih perkataan yang positif dan baik

Kepentingan mengetahui ilmu berteraskan kemanusiaan (Thaqāfat al- Insāniyah) menurut al- Qaradawi (1986) adalah untuk mempunyai hubungan erat dengan objek dakwah, atau lebih tepat objek yang dimaksudkan adalah manusia. Misalnya, manusia masa lalu dan sekarang, manusia sebagai individu atau masyarakat, manusia yang berfikir sendiri atau mengikut kepada yang lainnya, manusia sebagai produk dan sebagai pembeli, manusia sebagai orang bandar atau orang luar bandar, atau manusia di mana saja pun ia berada. Pengetahuan ilmu ini membantu kefahaman individu-individu khususnya mereka yang terdidik dengan ilmu ini dan menjadi sebahagian dari watak pemikir dan karakter budaya mereka.

Kepentingan pengetahuan ini akan memberikan nilai tambah yang lebih kepada pendakwah untuk lebih mengenali masyarakat Orang Asli dengan lebih rapat. Menurut al-Qaradawi (1986) Pengetahuan kemanusiaan boleh dibahagikan kepada beberapa aspek yang penting, iaitu berkaitan dengan jiwa, kemasyarakatan dan akhlak. Kesemua ilmu ini mempunyai peranan yang sangat penting bagi mendepani manusia, khususnya masyarakat Orang Asli yang pada fitrahnya mempunyai berbagai cara berfikir, cara kehidupan bahkan cara mereka memahami agama juga berbeza. Hubungan kesemua ilmu ini juga berkait rapat dengan pendakwah.

Pendakwah disarankan supaya berbicara kepada Orang Asli menurut kadar akal mereka, dan menjelaskan kepada mereka dengan bahasa mereka atau bahasa yang mereka mudah untuk memahaminya. Kepentingan ilmu berteraskan kemanusiaan ini mempunyai asas yang jelas di mana pendakwah berperanan dalam membimbing, memberi nasihat dan membangunkan jiwa manusia. Sebagaimana firman Allah (Saba, 34:46):

فَلَمَّا أَعْظَمْنَاكُمْ بِوُحْدَةٍ أَنْ تَقُولُوا لِلَّهِ مَتَّنِي وَفُرِدَى ثُمَّ تَتَقَرَّبُوْمَا بِصَاحِبِكُمْ مِنْ جَنَّةٍ
إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَكُمْ بَيْنَ يَدِي عَذَابٍ شَدِيدٍ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): Aku hanyalah mengajar dan menasihati kamu dengan satu perkara sahaja,

iaitu: *Hendaklah kamu bersungguh-sungguh berusaha mencari kebenaran kerana Allah semata-mata, samada dengan cara berdua (dengan orang lain) atau seorang diri; kemudian hendaklah kamu berfikir sematang-matangnya (untuk mengetahui salah benarnya ajaranKu). Sebenarnya tidak ada pada (Muhammad) yang menjadi sahabat kamu sebarang penyakit gila (sebagaimana yang dituduh); dia hanyalah seorang Rasul pemberi amaran kepada kamu, sebelum kamu ditimpa azab yang berat (di akhirat).*”

Ayat ini membuktikan kepada kita bahawa pemikiran yang baik, boleh memberi manfaat yang berguna, dan pendakwah yang mempunyai pemikiran ini, patut menyampaikan kebenaran kepada setiap sudut pemikiran Orang Asli. Hal ini boleh disampaikan sama ada pendakwah itu bergerak secara berkumpulan atau individu. Ini kerana pemikiran yang betul boleh mempengaruhi ideologi atau fikrah golongan yang disasarkan. Kesemua perkara ini adalah terlibat secara tidak langsung dengan ilmu jiwa yang dimaksudkan, iaitu dengan memahami aspek kejiwaan manusia dan kemasyarakatan secara umumnya dengan memahami ilmu berteraskan kemanusiaan akan membantu pendakwah memahami kejiwaan individu-individu atau kelompok masyarakat yang diserunya, dan pengkajian melalui pemerhatian serta pengaruh yang mempengaruhi jiwa mereka. Seterusnya, untuk berkomunikasi dengan mereka menurut akal mereka dan kesesuaian tahap penerimaan dan kemampuan mereka tanpa ada rasa putus asa, atau membebangkan mereka atau menimbulkan kebosanan serta jemu bagi mereka. Cabang lain dalam kepentingan ilmu berteraskan kemanusiaan adalah ilmu sosiobudaya. Ilmu sosiobudaya yang dibincangkan oleh pengkaji adalah berkait rapat dengan budaya setempat dan bahasa setempat. Menurut Shahidi A.H. (2018) mendapati masyarakat Orang Asli' mempunyai semangat sosiobudaya yang kuat, sehingga mereka sukar untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar kerana kurang faham bahasa Melayu. Apabila hal ini terjadi, pendakwah haruslah membawa bersama mereka individu yang dapat membantu daripada segi komunikasi.

Pengetahuan berteraskan ilmiah (*Thaqāfat al-ilmīyah*) menurut al-Qaradawi (1986), pengetahuan berteraskan ilmiah bukanlah bermaksud pendakwah perlu mempelajari ilmu fizik, kimia, biologi, geologi, falak, perubatan dan sebagainya. Akan tetapi pendakwah haruslah membaca sebahagian dari buku yang mudah baginya dan disediakan oleh mereka-mereka yang pakar dalam bidang tersebut. Begitu juga pendakwah boleh membaca artikel ilmiah, majalah, serta artikel yang diterbitkan untuk dibaca oleh majoriti kaum terpelajar, dan seharusnya pendakwah termasuk

dalam golongan tersebut. Hal ini dilakukan setelah mengkaji asas-asas penting dari ilmu ini pada peringkat asas dan pertengahan sehingga memungkinkannya untuk turut serta dalam konteks fikiran ilmiah walaupun hanya penguasaan yang sedikit pada masa akan datang. Budaya ilmiah ini penting bagi golongan terpelajar secara umumnya dan khasnya kepada pendakwah. Kepentingan pengetahuan berteraskan ilmiah bagi pendakwah Masyarakat Orang Asli misalnya, dengan mengetahui, memahami serta mengkaji masyarakat Orang Asli melalui hasil dan dapatan kajian berkaitan Orang Asli, buku serta semua bahan yang boleh membantu pendakwah lebih memahami Orang Asli. Kepentingan pengetahuan berteraskan ilmiah menurut al-Qaradawi (1986) menyatakan ilmu ini penting untuk memahami kehidupan masa kini. Ilmu berteraskan ilmiah merupakan urat nadi kehidupan dan penggerak kepada banyak urusannya. Menjadi keperluan dalam kehidupan sehari-hari pendakwah masa kini dengan memiliki teknologi untuk membantu dalam kehidupan sasaran. Bahkan di dalam masjid sendiri terdapat keperluan harian yang diguna pakai seperti jam dinding, alat pembesar suara dan barang elektronik yang lain. Semua ini adalah produk dan hasil dari ilmu pengetahuan moden. Adalah tidak tepat bagi pendakwah jika hidup di dunia teknologi yang dikendalikan ilmu moden ini, apabila tidak memahami serta mengetahui asas-asas daripada ilmu ini. Pendakwah Orang Asli juga disarankan mempunyai pengetahuan berteraskan ilmiah bagi membolehkan mereka membantu masyarakat Orang Asli dari sudut teknologi.

Pengetahuan berteraskan Realiti (*Thaqāfah al-Wāqiyyah*) menurut Qaradawi (1986) pengetahuan realiti bermaksud pengetahuan kebudayaan yang berasal dari kenyataan kehidupan dan apa yang terjadi di dunia sekarang, baik di dunia Islam maupun dunia luar. Dalam realiti masyarakat, pendakwah perlu memahami adat persekitaran, mengetahui mazhab yang digunakan, menilai kekuatan dan kelemahan yang wujud dalam persekitaran serta mengenal pasti masalah yang sedang dan telah berlaku. Pendakwah akan menemui jalan buntu, sekiranya mereka tidak mengetahui kepada siapa mereka berdakwah, bagaimana cara mereka menyeru dan mengajak, apa yang harus di ketengahkan semasa berdakwah, dan bagaimana ingin mengakhirnya.

Kepentingan pengetahuan berteraskan realiti bagi pendakwah Orang Asli termasuk juga perlu mengetahui aspek budaya setempat. Menurut Shahidi A.H (2018) menyatakan dalam aspek keagamaan dan ritual Orang Asli masih lagi terlibat dengan adat lama yang bertentangan dengan Islam seperti kepercayaan Animisme. Hal ini menyebabkan berlakunya penyembahan kepada selain daripada Allah seperti iblis dan syaitan. menambah dalam kajiannya bahawa Orang Asli mudah tersinggung apabila bertembung dua budaya berbeza. Ini boleh

mendatangkan risiko kepada pendakwah. Manusia apabila tersinggung boleh melakukan sesuatu di luar kawalan mereka. Justeru pentingnya pendakwah perlu memahami apa isu-isu yang sensitif bagi masyarakat Orang Asli supaya dakwah dapat disampaikan secara berkesan.

Kepentingan dan persiapan yang perlu diketahui oleh pendakwah menurut al-Qaradawi (1986) dalam pengetahuan berteraskan realiti adalah berkaitan dengan keadaan dunia Islam. Pendakwah perlu mengetahui posisi geografi, ekonomi, dan politik serta pembahagian penduduknya, sebab kemunduran dan perpecahannya, faktor-faktor kemajuan dan kesatuannya, kemungkinan kerjasama dalam bidang ekonomi, politik dan ketenteraan di samping pendekatannya dalam bidang sosial dan kebudayaan. Secara khususnya untuk pendakwah masyarakat Orang Asli, model yang sama boleh digunakan iaitu dengan mengetahui keadaan sebenar populasi Islam setempat. Dengan mengetahui populasi ini, secara fizikalnya pendakwah dapat membuat analisis apakah idea yang boleh di ketengahkan dalam konteks masyarakat Orang Islam, seterusnya pendakwah dapat menguji pengetahuan mereka tentang Islam. Begitu juga, pendakwah perlu mengetahui keadaan kekuatan-kekuatan antarabangsa yang memusuhi Islam, keadaan mazhab politik masa kini, keadaan gerakan-gerakan Islam masa kini, keadaan aliran-aliran pemikiran yang bertentangan dengan Islam dan keadaan golongan yang murtad atau terkeluar dari Islam.

Kepentingan mengetahui keadaan realiti setempat juga perlu diambil berat oleh Pendakwah Orang Asli, menurut Mujiyono Abdillah (2003) setiap pendakwah perlu mempelajari realiti atau keadaan sebenar setempat, atau lapangan dakwah sebenar. Pendakwah haruslah memahami tradisi, mendalami kefahaman mereka, mendengar masalah-masalah yang sedang berlaku, menjawai penduduk, mengetahui apa pengaruh yang wujud di lapangan, dan bagaimana harus mengenal serta menggunakan bahasa mereka supaya mudah untuk berkomunikasi dengan mereka. Sebagaimana Islam itu datang sebagai membawa rahmat kepada keseluruhan alam dan isi kandungannya, perkara-perkara membabitkan pengambilkiraan realiti kehidupan sosial manusia dihadapi dengan penuh dedikasi iaitu dengan penuh perancangan dan persediaan, rasional dan secara sedar tanpa ada sikap acuh tak acuh.

Menurut Ahmad Tarmizi dan Ab. Halim Tamuri (2013) pendakwah perlu mengetahui perkembangan Islam dan isu-isu semasa berkaitan Islam sama ada bersifat global atau tempatan. Wan Ibrahim dan Zainab Ismail (2009) menekankan bahawa pendakwah perlu memiliki ilmu berkaitan pembentukan perilaku manusia, dan perlu mengetahui teori sosial, kerana ia akan meningkatkan keupayaan pendakwah dalam mengetahui dan mengenal pasti punca dan sebab sesuatu perilaku terjadi.

KEMAHIRAN PENDAKWAH

Rosleh (2010) berpandangan walaupun manusia mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang setaraf tetapi mereka tetap berbeza antara satu sama lain disebabkan oleh faktor kemahiran dan sikap. Antara kemahiran yang perlu diperhatikan oleh pendakwah dalam konteks dakwah kemahiran berkomunikasi, kritis, berupaya menyelesaikan masalah dan kerja berpasukan. (Faiz Abdul Rahim 2017)

Asas kemahiran dakwah ini telah digariskan al-Quran menerusi konsep *al-hikmah*, *al-maw'izat al hasanah* dan *al-mujadalah* sebagaimana firman Allah (al-Quran, al-Nahl 16:125):

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَنِدْ لَهُمْ بِالْتِقَى هَى أَحْسَنُ

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik”.

Pendakwah hendaklah berkebolehan dan mahir dalam menyantuni dan mengurus isu-isu berkaitan masyarakat. Asas ini juga telah diletakkan Rasulullah misalnya dalam hadis Muslim, apabila mengutus Muaz bin Jabal ke Yaman bagi tujuan berdakwah dan membimbing masyarakat di sana. Pertanyaan Rasulullah kepada Muaz bagaimana dia memutuskan sesuatu hukum. Respon Muaz dengan al-Quran, jika tiada dalil al-Quran, merujuk kepada sunnah, jika tiada nas kedua-duanya, dengan berijtihad. (Sohih Muslim 1997) Ini menunjukkan kemahiran Muaz dalam menyelesaikan masalah dengan berbeza secara kreatif. Pendakwah terhadap komuniti Asli memerlukan kemahiran ini dalam dakwah. Pendakwah yang boleh berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik apabila bergaul akan memudahkan proses penyampaian mesej dakwah kepada masyarakat Asli.

Antara aspek kemahiran yang perlu dikuasai pendakwah Orang Asli menurut Faiz Abdul Rahim (2017) ialah:

1. Kemahiran Komunikasi
2. Kemahiran Hidup

KEMAHIRAN KOMUNIKASI

Komunikasi menurut Rogers (1994), mentakrifkan bahawa komunikasi sebagai perkongsian makna di antara dua pihak sehingga mencapai kesefahaman Bersama. Dalam konteks komunikasi dakwah, Djamilul

Abidin (1996) menyifatkan bahasa sebagai alat utama yang turut mempengaruhi keperibadian dan perilaku diri pendakwah. Beliau menambah bahawa perubahasa ‘bahasa menunjukkan bangsa’ melambangkan fungsi dan kepentingan bahasa yang digunakan oleh seseorang individu dalam proses komunikasi. Justeru, dalam konteks dakwah orang Asli, adalah penting pendakwah boleh berkomunikasi dengan baik. Antara kemahiran yang penting dikuasai pendakwah ialah aspek komunikasi dimana pendakwah boleh berkomunikasi dengan baik apabila berhadapan dengan masyarakat orang asli. Kemahiran ini sama seperti kemahiran yang digunakan Muaz menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul.(Sohih Muslim 1997)

KEMAHIRAN HIDUP

Kepentingan kemahiran hidup yang dimaksudkan mengikut pertimbangan pengkaji dalam perbincangan ini adalah kemahiran yang boleh didokong, diaplikasi dan digunakan oleh pendakwah semasa menjalani kerja dakwah. Persekutaran yang wujud di sekeliling masyarakat merupakan satu peluang yang boleh dimanfaatkan oleh pendakwah, dengan memaksimumkan usaha dan mengambil segala peluang yang wujud di depan mata, ini membolehkan aktiviti dakwah menjadi lebih efektif.

Memanfaatkan sumber daya alam dan lingkungan kehidupan, merupakan strategi ampuh untuk menyantuni golongan sasaran dan masyarakat setempat semasa berdakwah. Menurut Nilessen (1972) mengatakan bahawa dalam kehidupan terdapat tiga proses yang saling terkait antara satu sama lain iaitu penyesuaian bersama organisasi yang wujud, perjuangan hidup dan pengaruh lingkungan sekeliling terhadap penyesuaian tersebut. Dengan wujudnya jaringan dan hubungan interaksi sesama makhluk dengan keadaan sekelilingnya, ini membuktikan bahawa alam ini mempunyai jaringan kehidupan yang tersusun oleh arus anergi dan arus bahan, iaitu rohani dan jasmani yang mempunyai kaitan dengan semua makhluk di dalam alam semesta (Barbara dan Rene 1974).

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa pendakwah boleh mengambil kesempatan dari segala aspek kehidupan masyarakat setempat dan memanfaatkannya di atas nama dakwah. Menurut Mohd. Syukri (t. th) manusia itu sebagai makhluk budaya yang boleh melakukan setiap aktiviti secara kreatif, memanfaatkan potensi sumber daya dan lingkungan kehidupan sebagai subjek dakwah. Di samping itu, tingkah laku dan sikap manusia, sumber daya alam dan persekitaran hidup, mempunyai kelebihan dan sumber utama yang berfungsi sebagai metode dakwah.

Kemahiran hidup ialah berkaitan dengan aspek-aspek kerja lapangan pendakwah di lokasi seperti berubat. Masyarakat Orang Asli

yang terkenal dengan ritual sihir, adalah mudah bagi mereka untuk melakukan sesuatu yang berkaitan sihir kepada musuh mereka. Perkara pertama yang perlu dimiliki oleh pendakwah mengikut pertimbangan pengkaji adalah kemahiran berubat. Dengan adanya kemahiran ini, pendakwah boleh membenteng diri mereka dari terkena sihir seterusnya mampu berubat. Dengan mengambil sikap berjaga-jaga dalam mengutamakan keselamatan pendakwah, pendakwah seharusnya mempelajari dan mengetahui tentang perubatan Islam seperti bacaan al-Quran dan rukyah.

Antara bacaan rukyah yang boleh diamalkan bagi tujuan rawatan perubatan Islam menurut Phayilah Yama et. al., (2017) iaitu surah al-Taubah ayat 14, surah Yunus ayat 57, surah al-Nahl ayat 69, surah al-Isra' ayat 82, surah al-Syu'ara' ayat 80 dan surah al-Fussilat ayat 44. Teks-teks wahyu ini bukan sahaja membicarakan tetapi memberi garis panduan tentang aspek penjagaan kesihatan, pencegahan dan perawatan penyembuhan penyakit. Bahkan ayat al-Quran itu sendiri di samping perkataan Rasulullah merupakan antara teks doa yang ditegaskan oleh Allah sebagai mempunyai unsur penyembuhan penyakit. Antaranya firman Allah (al-Quran, al-Isra': 17: 82):

وَنَزَّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “*Dan kami turunkan daripada al-Quran itu sesuatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman.*”

Antara kemahiran lain yang perlu diberi pertimbangan oleh pendakwah dalam konteks dakwah Orang Asli ialah kemahiran memburu, berubat, bertani, bertukang, memancing, bersukan dan lain-lain. Kesemua kemahiran ini mampu memberi memberi implikasi yang berkesan dalam menyantuni masyarakat, seterusnya melancarkan lagi kerja dakwah kepada Orang Asli.

KESIMPULAN

Dakwah adalah satu kesenian yang boleh diterokai dan disampaikan dalam berbagai kaedah dan cara. Kepentingan aspek pengetahuan dan kemahiran membuka peluang kepada pendakwah memperbaikkan lagi kaedah dan penyampaian tersebut. Dalam konteks Orang Asli, dakwah memerlukan pendakwah memperhalusi serta mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi. Bagi mengimbangi perkembangan semasa kehidupan Orang Asli dan realiti dakwah semasa, selain pendakwah menguasai pengetahuan Islam, sejarah dan kearifan tempatan, kepercayaan, adat dan budaya, pengetahuan semasa serta realiti masyarakat

setempat. Manakala aspek kemahiran yang perlu dikuasai pendakwah pula ialah komunikasi, kemahiran pertukangan, pertanian, perubatan, sukan dan lain-lain yang berkaitan lingkungan kehidupan masyarakat Orang Asli. Kepentingan pengetahuan kepada pendakwah Orang Asli adalah sebagai persiapan yang utuh bagi menghadapi masyarakat. Dengan berbekalkan pengetahuan yang tepat, ia akan memberikan manfaat yang menyeluruh dalam semua aspek kehidupan masyarakat Orang Asli. Begitu juga, kepentingan kemahiran pendakwah Orang Asli akan memberikan implikasi yang tinggi dalam aktiviti dakwah. Berbekalkan pengetahuan dan kemahiran oleh pendakwah Orang Asli, martabat agama Islam dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa seterusnya akan melahirkan generasi Orang Asli yang taat kepada agama Islam.

RUJUKAN

Al- Quran al- Karim

- Abdul Ghafar bin Don. 1999. *Perspektif Dakwah Non Muslim: Kajian Terhadap Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Kajian Ilmu-Ilmu Islam Prosiding Wacana Akademik. Jilid 1. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Ghafar Bin Don. 2018. *Komuniti Asli di Malaysia*. Pemerksaan Kesejahteraan Hidup Orang Asli di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Redzuan Mohd Yunus. 2008. *Cabar dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Tarmizi Abu Bakar & Ab. Halim Tamuri. 2013. *Guru Pendidikan Islam (GPI) Sebagai Pendidik Dan Daie Sepanjang Zaman: Satu Analisis*. Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] hlm. 371-385
- Al-Qurtubi. 2008. *Tafsir al- Qurtubi*, Jilid 10, Terjemahan Asmuni, Pustaka Azzam, Jakarta.
- Djamalul Abidin. 1996. *Komunikasi dan Bahasa Dakwah*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Faiz Abdul Rahim. 2017. *Domain ilmu pendakwah masyarakat Orang Asli*. Disertasi Sarjana Pusat kajian dakwah dan kepimpinan UKM. Bangi Selangor.
- Halimin bin Adolah. 1993. Kertas Kerja Kursus Asas Penggerak Masyarakat Orang Asli di Perkampungan Orang asli, anjuran BAHEIS, JPM, di Wisma Belia, K.Lumpur, 5-11 September.
- Hassan Mat Nor. T.th. *Masyarakat Orang Asli Dan Agama Kristian: Satu Kajian Terhadap Sejarah Perkembangan Agama Kristian Dan*

- Kesannya Kepada Kehidupan Masyarakat Semai Di Perak*", (Kertas Kajian Yang Tidak disebarluaskan), t.t.p.: t.p., h. 18
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2014. *Kaum Temiar*. <http://www.perakgis.my/jakoa/indek.php/kenali-orang-asli/suku-kaum-orang-asli/kaum-temiar> [13 Nov 2019]
- Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahali & Jalal al-Din Abdul al-Rahman bin Abi Bakr al-Sayuti. 2004. *Tafsir al-Jalalayn*. Dimashq: Dar al-Khayr.
- Laporan Tahunan JAIP 1998.
- Mohd Zamri bin Ibrahim. 2012. *Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir di Kolej Antarabangsa*. IKIP. Tesis Sarjana Pendidikan Teknikal UTM.
- Muhammad Busu. 2016. *Kursus bahasa temuan: pengenalan Orang Asli Temuan*. Kertas Kerja Bicara Peribumi. Anjuran Pusat Kajian Orang Asli dan Peribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 17 Mei.
- Mujiyono Abdillah. 2003. *Dialektika Hukum Islam dan Perubahan Sosial: Sebuah Refleksi Sosiologi atas Pemikiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Surakarta: Muhammadiyah University Press
- Phayilah Yama, Ikmal Zaidi Hashim, & Farhah Zaidar Mohamed Ramli 2017. *Kaedah Dan Faktor Keberkesanan Perubatan Islam Rugyah: Kajian Kes Dr. Jahid Sidek* International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September 2017 .
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2014. *Keperluan Bimbingan Muallaf*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rogers, E. M. 1994. *History of Communication Study: A biographical approach*. New York: Free Press.
- Rosleh. 2010. *Transformasi PTV*. Ke Arah Melahirkan Modal Insan Kelas Pertama, UTM.
- Shahidi A.H., Nor Azwahanum Nor Shaid, Mohd Sharifudin Yusop, Marlyna Maros & Rahim Aman. 2018.b *Sociocultural Phenomenology Of Kanaq Aboriginal In Mastery Malay Language: A Preliminary Study*.
- Sistem Maklumat e-Damak JAKOA. 2014. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.
- Siti Rugayah Hj. Tibek. 2011. *Profesionalisme Dakwah: Harapan dan Cabaran*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohih Muslim. 1997. Kitab Al Iman, *bab dakwah ila syahadatain wa syariat Islam*, Jilid 1 no. hadis :121, m/s 146. Penerbit Dar El-Marefah. Beirut. Lebanon.

- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2009. Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia: Permasalahan Dan Halangan. *Jurnal Usuluddin* 30: 155-184.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. 2009. *Asas Pengetahuan Dan Kemahiran Kepada Pendakwah Profesional Dalam Pengurusan Warga Tua Multi Etnik*. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Multi Etnik Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-24 Disember
- Yusuf al-Qaradāwi. 1986. *Thaqāfat al-Dā'iyyah*. Cetakan ke 8. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Zainab Ismail, Nor Abidah Pozi & Wan Ibrahim Wan Ahmad. 2015. *Tahap Pengetahuan Agama Saudara Baru di Pusat Bimbingan Islam Saudara Baru Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah Darul Aman*. Dlm. Razaleigh Muhamat @ Kawangit (pnyt.). *Isu-isu Pengurusan Saudara Muslim*, hlmn. 89-106. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Naim Abdullah
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
P94029@siswa.ukm.edu.my

Prof. Madya Dr. Abd Ghafar Don
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
a.g.don@ukm.my